

Ruj. Fail : MBSJ.KP.100-6/1/1 Jld.5( )

**MINIT MESYUARAT PENUH  
MAJLIS BANDARAYA SUBANG JAYA  
BIL. 11 TAHUN 2025**

**Tarikh** : 28 November 2025 (Jumaat)

**Masa** : 9.30 pagi - 11.30 pagi

**Tempat** : Bilik Mesyuarat Kenanga, Aras 2  
Bangunan MBSJ

**Kehadiran** : Seperti di Lampiran A

**1.0 BACAAN DOA**

Mesyuarat dimulakan dengan bacaan doa oleh YM Raja Mohd Ashraf bin Raja Chik , Penolong Pengarah Jabatan Khidmat Pengurusan.

**2.0 TAYANGAN PROGRAM MAJLIS BULAN NOVEMBER 2025**

Tayangan video sorotan program dan aktiviti sepanjang bulan Oktober 2025 dipaparkan kepada ahli mesyuarat.

### **3.0 PERUTUSAN DATUK BANDAR**

Datuk Bandar memulakan mesyuarat dengan mengucapkan salam kepada semua yang hadir dan memaklumkan bahawa mesyuarat kali ini merupakan Mesyuarat Penuh Majlis Bandaraya Subang Jaya yang kesebelas bagi tahun 2025. Seterusnya pemakluman mengenai perkara seperti berikut :

- i) Datuk Bandar berkongsi amanat daripada sesi perjumpaan YAB Perdana Menteri bersama warga Jabatan Perdana Menteri (JPM) di Dewan De' Seri Endon, Puspanitapuri, Putrajaya pada 12 November 2025. YAB Perdana Menteri dalam ucap-tama telah menzahirkan penghargaan atas kejayaan agenda Ekonomi MADANI yang berjaya mengukuhkan Ringgit, menurunkan kadar pengangguran, dan merekodkan pelaburan tertinggi dalam sejarah negara serta turut menekankan kepentingan tadbir urus berintegriti dan adil bagi memastikan kemajuan dinikmati oleh seluruh lapisan masyarakat.

YAB Perdana Menteri turut menyeru penjawat awam agar terus memainkan peranan proaktif dalam memperkukuh transformasi nasional, dengan memanfaatkan inovasi, digitalisasi, kecerdasan buatan (AI), serta mempromosikan tenaga hijau. Langkah ini adalah sejajar dengan aspirasi Malaysia MADANI, sekaligus memastikan perkhidmatan awam lebih cekap, responsif, dan mampu menyokong kemajuan negara secara lestari serta inklusif.

- ii) Seterusnya Datuk Bandar memaklumkan berkaitan amanat Ketua Setiausaha Negara, YBhg. Tan Sri Shamsul Azri bin Abu Bakar yang mengulas pembentangan Belanjawan Malaysia 2026 meminta agensi kerajaan supaya berusaha menambah baik serta mempercepatkan proses dan prosedur kerja.

Perkhidmatan awam perlu bersama-sama merealisasikan pelaksanaan strategi Belanjawan Malaysia 2026 dengan berusaha untuk merekayasa semula sistem, meruntuhkan tembok silo antara agensi dan fokus kepada kesejahteraan rakyat. Belanjawaan tersebut merupakan satu pembentangan yang sarat dengan intipati dan tekad yang jelas bagi memberi penekanan kepada usaha menangani kos sara hidup rakyat, penumpuan kepada pembangunan sektor-sektor ekonomi, program meningkatkan pendapatan rakyat dan pelbagai prakarsa untuk membantu rakyat secara keseluruhannya.

- iii) Datuk Bandar turut memaklumkan berkenaan Belanjawan Selangor 2026 mengangkat enam tekad, iaitu Sumber Hasil Negeri, Peluang Ekonomi Rakyat; Reformasi Tadbir Urus Memartabatkan Bangsa; Mencorak Pendidikan Melakar Masa Depan; Keunggulan Seni Budaya dan Kemantapan Generasi Muda; Selangor Negeri Penyayang; serta Kelestarian Alam Sekitar dan Kebitaraan Infrastruktur.

Dengan tema 'Selangor Juara, Rakyat Sejahtera', Belanjawan Selangor 2026 merangkumi RM1.86 bilion (57.6 peratus)

perbelanjaan mengurus dan RM1.37 bilion (42.4 peratus) perbelanjaan pembangunan.

Sebagai penghargaan dan dorongan kepada penjawat awam negeri yang bersama-sama menggerakkan langkah berani reformasi untuk memasuki era baharu 'Selangor Juara', Kerajaan Negeri Selangor telah mengumumkan pemberian Bantuan Khas Kewangan (BKK) sebanyak tiga bulan gaji secara berperingkat kepada penjawat awam negeri. BKK satu bulan setengah gaji sudah disalurkan pada awal tahun ini manakala BKK kali kedua sebanyak satu bulan setengah gaji dengan minimum RM1,000 akan disalurkan pada 18 Disember depan.

- iv) Seterusnya, Datuk Bandar memaklumkan berkenaan Sambutan Hari Perancangan Bandar Sedunia (HPBS) peringkat Negeri Selangor telah diadakan pada 8 November 2025 dengan tema pada tahun ini adalah “Pembaharuan Semula Bandar: Agenda Perancangan untuk Rakyat” yang dirasmikan oleh YAB Dato' Menteri Besar Selangor.

MBSJ telah berjaya menerima Anugerah Bandar Paling Mampan Peringkat Negeri Selangor tahun 2025. Penganugerahan ini diberikan atas kejayaan MBSJ mencapai status Mampan secara keseluruhan dalam penilaian Jaringan Penunjuk Pembangunan Mampan Bandar-Luar Bandar Malaysia (*Malaysian Urban-Rural National Indicators Network for Sustainable Development – MURNInets*) bagi tahun 2025. Penganugerahan ini juga adalah inisiatif daripada Kerajaan Negeri bagi menghargai komitmen dan

kesungguhan semua PBT di Selangor dalam usaha mencapai kemampunan dalam melaksanakan inisiatif Matlamat Pembangunan Mampan (SDGs). Pelaksanaan Pengukuran Bandar Mampan (MURNInets) dilaksana berdasarkan 51 indikator bagi menggambarkan tahap kemampunan sesebuah bandar. Bagi tahun 2025, semua PBT di negeri Selangor mencapai tahap mampan iaitu melebihi 80%. MBSJ telah mencapai skor mampan iaitu berjumlah 95.95%.

- v) Datuk Bandar juga menghebahkan tentang Program Publisiti dan Penyertaan Awam yang akan dilaksanakan MBSJ dalam tempoh 4 minggu bagi memberi peluang kepada orang awam mengemukakan maklum balas dan pandangan ke atas Draf Rancangan Tempatan selaras dengan peruntukan di bawah seksyen 13, Akta Perancangan Bandar dan Desa [Akta 172].

Penyiaran notis telah dibuat bagi pemakluman Program Publisiti dan Penyertaan Awam selaras dengan subseksyen 15(4), Akta Perancangan Bandar dan Desa [Akta 172] menerusi akhbar Berita Harian, The Star dan Selangor Kini bertarikh 20 November, 27 November dan 4 Disember 2025.

#### Program Publisiti Dan Penyertaan Awam RTSJ 2035 (P1)

Program publisiti dan penyertaan awam ini akan diadakan pada 1 hingga 31 Disember 2025, jam 9.00 pagi sehingga 4.00 petang (Waktu pejabat saja) bertempat di Lobi Ibu Pejabat, Majlis

Bandaraya Subang Jaya. Bunting yang mengandungi kod QR bahan publisiti, laporan Draf RTSJ 2035 (P1), borang bantahan dan kakitangan bertugas di letakkan di Kompleks 3K MBSJ Taman Serdang Raya, Perpustakaan Hipermedia MBSJ Bandar Puteri, Kaunter Jabatan Perancangan Bandar MBSJ, PLANMalaysia Selangor, Pejabat Daerah dan Tanah Petaling serta di lokasi-lokasi utama di setiap Blok Perancangan di kawasan Majlis.

Semakan dokumen bahan publisiti dan borang bantahan, cadangan dan pandangan juga boleh didapati di laman web rasmi, papan iklan digital dan media sosial rasmi MBSJ.

#### Majlis Perasmian Program Publisiti dan Penyertaan Awam

Majlis Perasmian Program Publisiti dan Penyertaan Awam ini akan diadakan pada 1 Disember 2025 hari Isnin, jam 9.30 pagi sehingga 1.00 tengah hari bertempat di Dewan Serbaguna USJ7, Subang Jaya.

Antara jemputan yang akan hadir ialah ADUN kawasan, Ahli Majlis dan wakil penduduk, Agensi/Jabatan berkaitan, Wakil Pihak Berkuasa Tempatan bersempadan dan Ketua Jabatan Dalaman MBSJ

- vi) Datuk Bandar berkongsi berkenaan kejayaan MBSJ menyiapkan dua pelaporan penting dalam pelaksanaan matlamat pembangunan mampan yang diiktiraf oleh United Nations. Laporan '*Voluntary Local*

*Review*' (VLR) merupakan dokumen yang melaporkan pencapaian, perkongsian, pengalaman, kejayaan dan cabaran yang dihadapi oleh Pihak Berkuasa Tempatan untuk menambahbaik kemajuan pelaksanaan SDG. VLR ini adalah VLR edisi kedua yang telah diterbitkan oleh MBSJ. MBSJ adalah PBT pertama di Selangor dan Malaysia yang telah menerbitkan VLR edisi kedua. Laporan VLR edisi kedua bukan sekadar mengukur pencapaian, tetapi turut memberi tumpuan kepada:

- Penilaian tahap kesiapsiagaan dasar dan pelan MBSJ terhadap matlamat SDG,
- Penambahbaikan rangka perundangan dan tadbir urus tempatan,
- Penilaian ketersediaan data dan indikator pembangunan, dan
- Persepsi pemegang taruh terhadap kemajuan pelaksanaan SDG di Subang Jaya.

Pendekatan ini memperkukuh peranan MBSJ sebagai peneraju bandar SDG di Malaysia, di mana tindakan di peringkat tempatan menjadi pemacu kepada komitmen global.

Manakala bagi laporan *SDG's Subang Jaya City Roadmap* atau Pelan Hala Tuju Pembangunan Mampan Subang Jaya pula merupakan dokumen yang melaporkan cadangan inisiatif tambahan yang perlu dilaksanakan oleh Pihak Berkuasa Tempatan sehingga tahun 2030. Laporan ini juga akan melibatkan pelaporan program atau projek berdasarkan 17 Matlamat Pembangunan Mampan bagi tahun semasa sehingga 2030. Kedua-dua laporan ini telah

diperakukan dan disahkan melalui Mesyuarat Jawatankuasa Kerja Penyetempatan Matlamat Pembangunan Mampan (SDG) Bilangan 1 tahun 2025 di peringkat Kementerian Perumahan dan Kerajaan Tempatan (KPKT) pada 16 Julai 2025.

Kedua-dua laporan ini juga akan dibentangkan di *High-Level Political Forum* (HLPF) yang akan diadakan di New York pada Julai 2026. Penyediaan laporan ini menjadi titik kejayaan MBSJ sebagai PBT bertaraf antarabangsa berteraskan Bandaraya Mampan Yang Bestari, Kota Niaga dan Kediaman Idaman. Majlis Pelancaran Laporan Kajian Penilaian Tempatan (*Subang Jaya Voluntary Local Review*) Edisi Kedua dan Pelan Hala Tuju Pembangunan Mampan Subang Jaya akan diadakan di Sunway Resort Hotel pada 17 Disember 2025.

- vii) Seterusnya, Datuk Bandar membuat hebahan berkenaan Permohonan Permit Bazar Ramadan MBSJ tahun 2026 secara dalam talian (*online*) akan dibuka bermula 1 Disember 2025 sehingga 21 Disember 2025.

Pada tahun 2026, sebanyak 20 lokasi Bazar Ramadan MBSJ melibatkan 1,207 petak niaga akan dibuka seperti berikut:

Bil	Zon	Jumlah Lokasi	Jumlah Petak
i	Subang Jaya	6	277
ii	Kinrara	1	130
iii	Puchong	7	300
iv	Putra Heights	1	40

v.	Serdang & Seri Kembangan	5	460
Jumlah Keseluruhan		20	1,207

Hebahan akan dimaklumkan melalui kain rentang, bunting, poster, laman web MBSJ dan media sosial MBSJ. Semua peniaga wajib menyediakan alternatif pembayaran menggunakan transaksi dalam talian “*cashless*”. Setiap peniaga diwajibkan juga mempamerkan jenis saluran *cashless @ e-wallet* yang boleh digunakan oleh pelanggan di gerai masing-masing.

Bagi memastikan kelestarian alam sekitar, MBSJ masih meneruskan beberapa inisiatif hijau kepada peniaga dan pengunjung Bazar Ramadan seperti yang berikut:

- a) Kempen Bebas Polisterina dan penggunaan penyedut minuman plastik;
  - b) Kempen Kitar Semula Minyak Masak Terpakai; dan
  - c) Kempen Ramadan Elak Pembaziran Makanan.
- viii) Datuk Bandar turut memaklumkan berkaitan demam denggi di MBSJ. Sehingga minggu epid ke-47 Tahun 2025, MBSJ telah mencatatkan sebanyak 3142 kes positif demam denggi, ini menunjukkan penurunan sebanyak 57% jika dibandingkan dengan kumulatif kes pada minggu epid yang sama di Tahun 2024 iaitu sebanyak 7307 kes. Terdapat tiga (3) Lokaliti Hotspot pada minggu Epid ke-47 ini iaitu di Taman Muhibbah Sri Kembangan, Taman

Puncak Jalil 4B (Jalan PUJ 4/10 – 4/18) dan USJ 1 (Subang Permai Apartment Permai Court) Blok A, B, C, D.

Kawalan dan pencegahan demam denggi terus dijalankan di kawasan yang dilaporkan kes demam denggi bagi membendung penularan kes demam denggi seperti melaksanakan Pemeriksaan Tempat Pembiakan (PTP), Semburan *larvaciding* dan Pengwasapan ('fogging').

Pendidikan kesedaran tentang demam denggi turut dijalankan di lokaliti-lokaliti berpotensi. Penduduk disarankan untuk membuat langkah-langkah pencegahan seperti kempen 10 minit, gotong-royong memusnahkan lokasi potensi tempat pembiakan Aedes. Seterusnya, sekiranya terdapat simptom demam denggi, penduduk dinasihatkan untuk mendapatkan rawatan dengan segera.

#### **4.0 IKRAR PENGISYTIHARAN KEPENTINGAN**

Setiausaha Mesyuarat membacakan Ikrar Pengisytiharan Kepentingan bagi pihak semua ahli mesyuarat, dan semua ahli mesyuarat bersetuju serta mengambil maklum.

#### **5.0 PENGESAHAN MINIT MESYUARAT PENUH MAJLIS BANDARAYA SUBANG JAYA BIL. 10/2025**

Minit Mesyuarat Penuh Majlis Bandaraya Subang Jaya Bil. 10/2025 bertarikh 22 Oktober 2025 (Rabu) disahkan tanpa pindaan.

## **6.0 MAKLUM BALAS MESYUARAT PENUH MAJLIS BANDARAYA SUBANG JAYA BIL. 10/2025**

Maklum balas Mesyuarat Penuh Majlis Bandaraya Subang Jaya Bil.10/2025 bertarikh 22 Oktober 2025 (Rabu) disahkan tanpa pindaan.

## **7.0 PENGESAHAN KEPUTUSAN DAN LAPORAN MESYUARAT JAWATANKUASA**

### **7.1 Laporan Mesyuarat Jawatankuasa Pusat Setempat (OSC) Perancangan dan Pembangunan Majlis Bandaraya Subang Jaya Bil. 20/2025 bertarikh 21 Oktober 2025**

-----  
Setelah meneliti dan berbincang, mesyuarat telah bersetuju menerima laporan dan keputusan yang terkandung dalam laporan tersebut.

### **7.2 Laporan Mesyuarat Jawatankuasa Pusat Setempat (OSC) Perancangan dan Pembangunan Majlis Bandaraya Subang Jaya Bil. 21/2025 bertarikh 6 November 2025**

-----  
Setelah meneliti dan berbincang, mesyuarat telah bersetuju menerima laporan dan keputusan yang terkandung dalam laporan tersebut.

### 7.3 Laporan Mesyuarat Jawatankuasa Pusat Setempat (OSC) Perancangan dan Pembangunan Majlis Bandaraya Subang Jaya Bil. 22/2025 bertarikh 19 November 2025

Setelah meneliti dan berbincang, mesyuarat telah bersetuju menerima laporan dan keputusan yang terkandung dalam laporan tersebut.

### 7.4 Laporan Mesyuarat Jawatankuasa Kemasyarakatan Majlis Bandaraya Subang Jaya Bil. 11/2025 bertarikh 12 November 2025

Setelah meneliti dan berbincang, mesyuarat telah bersetuju menerima laporan dan keputusan yang terkandung dalam laporan tersebut dengan cadangan berikut :

Bil	Para & M/Surat	Ahli Majlis	Perkara	Cadangan
1.	Para 6.2 & m/s 8	Tuan Ar. Kamarul Hisham bin Hj. Yeop Hashim	Kertas Cadangan Penganjuran Subang Jaya Half Marathon Dengan Kerjasama Puncak Vantures SRA Sdn. Bhd.	Beliau mencadangkan supaya Majlis menjemput pihak Yayasan Insan Istimewa Selangor (YANIS) untuk bekerjasama bagi kategori khas <i>Disable Wheelchair</i> .  <b>Maklum balas mesyuarat :</b>  Mesyuarat bersetuju dengan

Bil	Para & M/Surat	Ahli Majlis	Perkara	Cadangan
			Dan Persatuan Olahraga Para Selangor	cadangan ini dan Jabatan diminta mengemukakan kertas kerja kepada pihak YANIS untuk program kerjasama bagi kategori khas <i>Disable Wheelchair</i> .  <b>Tindakan: Jabatan Pembangunan Masyarakat</b>

**7.5 Laporan Mesyuarat Jawatankuasa Perancangan Bandar Majlis Bandaraya Subang Jaya Bil. 11/2025 bertarikh 13 November 2025**

-----  
Setelah meneliti dan berbincang, mesyuarat telah bersetuju menerima laporan dan keputusan yang terkandung dalam laporan tersebut.

**7.6 Laporan Mesyuarat Jawatankuasa Infrastruktur, Pengangkutan dan Kemudahan Awam Majlis Bandaraya Subang Jaya Bil. 11/2025 bertarikh 14 November 2025**

-----  
Setelah meneliti dan berbincang, mesyuarat telah bersetuju menerima laporan dan keputusan yang terkandung dalam laporan tersebut.

**7.7 Laporan Mesyuarat Jawatankuasa Perkhidmatan dan Teknologi Maklumat Majlis Bandaraya Subang Jaya Bil. 11/2025 bertarikh 18 November 2025**

-----  
Setelah meneliti dan berbincang, mesyuarat telah bersetuju menerima laporan dan keputusan yang terkandung dalam laporan tersebut.

**7.8 Laporan Mesyuarat Jawatankuasa Audit dan Pengurusan Korporat Majlis Bandaraya Subang Jaya Bil. 4/2025 bertarikh 18 November 2025**

-----  
Setelah meneliti dan berbincang, mesyuarat telah bersetuju menerima laporan dan keputusan yang terkandung dalam laporan tersebut.

**7.9 Laporan Mesyuarat Jawatankuasa Kawalan Perniagaan Majlis Bandaraya Subang Jaya Bil. 11/2025 bertarikh 20 November 2025**

-----  
Setelah meneliti dan berbincang, mesyuarat telah bersetuju menerima laporan dan keputusan yang terkandung dalam laporan tersebut.

**7.10 Laporan Mesyuarat Jawatankuasa Kesihatan dan Kesejahteraan Bandar Majlis Bandaraya Subang Jaya Bil. 11/2025 bertarikh 21 November 2025**

-----  
Setelah meneliti dan berbincang, mesyuarat telah bersetuju menerima laporan dan keputusan yang terkandung dalam laporan tersebut.

**7.11 Laporan Mesyuarat Jawatankuasa Kewangan Majlis Bandaraya Subang Jaya Bil. 11/2025 bertarikh 24 November 2025**

-----  
Setelah meneliti dan berbincang, mesyuarat telah bersetuju menerima laporan dan keputusan yang terkandung dalam laporan tersebut.

**8.0 PEMBENTANGAN KERTAS MESYUARAT**

**8.1 Kertas Cadangan Menerima Pakai Surat Edaran Garis Panduan Pembayaran Bantuan Khas Kewangan (BKK) Kali Kedua Tahun 2025 Pentadbiran Setiausaha Kerajaan Negeri Selangor  
(Kertas Mesyuarat bil. 8/11/2025)**

Kertas mesyuarat ini telah disediakan oleh Jabatan Khidmat Pengurusan dan dibentangkan oleh Encik Mohd Reyzal bin Mazlan, Timbalan Pengarah Khidmat Pengurusan.

**Keputusan Mesyuarat :**

Setelah meneliti dan berbincang, mesyuarat bersetuju menerima Kertas Cadangan Menerima Pakai Surat Edaran Garis Panduan Pembayaran Bantuan Khas Kewangan (BKK) Kali Kedua Tahun 2025 Pentadbiran Setiausaha Kerajaan Negeri Selangor dengan perkara berikut :

- i. Kadar pemberian BKK Kali Kedua Tahun 2025 akan dibayar pada 18 Disember 2025;
- ii. Kelayakan BKK seperti yang berikut :

Jawatan	Kadar BKK
Pihak Berkuasa Tempatan (PBT) i. Pegawai dan kakitangan ii. Ahli Majlis PBT iii. Pegawai Awam Persekutuan yang berkhidmat di PBT seperti Pegawai <i>Commissioner of Building</i> (COB) dan Pegawai <i>One Stop Centre</i> (OSC)	<b>Satu setengah (1 ½) bulan gaji/elaun, minimum RM1,000.00</b>
Lain-lain Pegawai i. Pegawai lantikan <i>Contract for Service</i> (CfS) ii. Personel MySTEP	

- iii. Syarat-syarat kelayakan pembayaran adalah merujuk kepada Garis Panduan Pembayaran Bantuan Khas Kewangan (BKK) Kali Kedua Tahun 2025 Pentadbiran Setiausaha Kerajaan Negeri Selangor; dan
- iv. Mesyuarat juga bersetuju meluluskan pemberian BKK kali kedua 2025 kepada semua Pembantu Ahli Majlis dengan kadar RM 1,000.00 seorang.

## 9.0 UCAPAN PENANGGUHAN

Ucapan penangguhan telah disampaikan oleh Tuan Ir. Balachandran Naicker, Ahli Majlis daripada Parti DAP.

## 10.0 PENUTUP

Datuk Bandar mengucapkan terima kasih dan mesyuarat ditangguhkan pada jam 11.30 pagi.

Tarikh Disediakan : 1 Disember 2025

**“KITASELANGOR MAJU BERSAMA”**

**“MALAYSIA MADANI”**

**“MESRA, CEKAP DAN BERINTEGRITI”**

Disediakan oleh;

  
**(HJ. MOHD ZULKURNAIN BIN CHE ALI), S.M.S, A.M.N**

Timbalan Datuk Bandar

**MAJLIS BANDARAYA SUBANG JAYA**

Disahkan oleh;

  
**(DATO' AMIRUL AZIZAN BIN DATO' SRI ABD RAHIM), D.I.M.P**

Datuk Bandar

**MAJLIS BANDARAYA SUBANG JAYA**

**LAMPIRAN**

**HADIR**

1. YBhg. Dato' Amirul Azizan bin Dato' Sri Abd Rahim, D.I.M.P. - Pengerusi  
Datuk Bandar
2. YBrs. Tuan Haji Mohd Zulkurnain bin Che Ali, S.M.S., A.M.N. - Setiausaha  
Timbalan Datuk Bandar Mesyuarat
3. Encik Ismail bin Salim, P.J.K.  
Timbalan Setiausaha

**HADIR (AHLI MAJLIS)**

4. Puan Lee Jen Uyin - Ahli  
Mesyuarat
4. Encik M. Anbarasan a/l Murugesu - "
5. Tuan Ar. Kamarul Hisham bin Hj. Yeop Hashim - "
6. Encik Thomas Low Yew Sin - "
7. Encik Mehanatan a/l Embamurthi - "
8. Encik Chia Yew Ken - "
9. Encik Thamilarusu a/l Sandayan - "
10. Puan Ng Seow Chen - "
11. Encik Thong Kim Fatt - "
12. Encik Kamarul Hafiz bin Kamarudin - "

- |     |                                   |   |   |
|-----|-----------------------------------|---|---|
| 13. | Tuan Ir. Balachandran Naicker     | - | " |
| 14. | Encik Tey Han Cherk               | - | " |
| 15. | Puan Suzanah Hanim Wong           | - | " |
| 16. | Encik Tey Boon Kiat               | - | " |
| 17. | Puan Sarawati binti Mukhtar       | - | " |
| 18. | Encik Parithi Vaanan a/l Ramasamy | - | " |
| 19. | Encik Muhammad Fauzan bin Rosli   | - | " |
| 20. | Encik Khairol Basri bin M. Arif   | - | " |
| 21. | Encik Saidin bin Awang            | - | " |
| 22. | Puan Sri Devi a/p Chenchiah       | - | " |

**(PEGAWAI MBSJ)**

23. Encik Muhammad Zaki bin Yusoff  
Pengarah, Jabatan Penguatkuasaan
24. Puan Hajah Anita binti Abd Jalil, P.P.T.  
Pengarah, Jabatan Undang-Undang
25. Puan Sr. Aida binti Omar, A.M.S., MRISM  
Pengarah, Jabatan Penilaian dan Pengurusan Harta
26. Encik Muhammad Azli bin Miswan, A.M.S.  
Pengarah, Jabatan Korporat dan Pengurusan Strategik

27. Puan Nik Zalina binti Megat Muda, CeLO  
Pengarah, Jabatan Pelesenan
28. Tuan Ir. Dr Hj. Mohd Ariffuddin bin Hj. Kamari  
Pengarah, Jabatan Kejuruteraan
29. Tuan TPr. Hazman bin Mohd Mahayudin  
Pengarah, Jabatan Perancangan Bandar
30. Tuan Hj. Affandi bin Hj. Jaafar  
Pengarah, Jabatan Perbendaharaan
31. Puan Hjh. Sharifah Rohaida binti Abd Rahman, P.P.C., P.J.K  
Pengarah, Jabatan Hasil
32. Puan Ts. Azura binti Mohd Don  
Pengarah, Jabatan Pengurusan Alam Sekitar
33. Encik Samzol bin Saat  
Pengarah, Jabatan Teknologi Maklumat
34. Tuan Sr. Nazarudin bin Mashtuki  
Pengarah, Jabatan Kontrak dan Ukur Bahan
35. Puan Sarina binti Saad  
Pengarah, Jabatan OSC
36. Puan Sr. Nornizam binti Mohd Jusoh  
Pengarah, Jabatan COB
37. Cik Haslinda binti Mohd Rantam, A.I.S  
Pengarah, Jabatan Bangunan
38. Puan Rubaizah binti Mohamed Noh  
Timbalan Pengarah, Jabatan Kesihatan
39. Puan Dr. Nurnawwar binti Arpaaii  
Timbalan Pengarah, Jabatan Kesihatan

40. Encik Mohd Fadil bin Alos  
Penolong Pengarah Kanan, Unit Audit Dalam
41. Encik Mohd Herman bin Musanip  
Penolong Pegawai Tadbir Kanan, Unit Integriti
42. Encik Mohd Reyzal bin Mazlan  
Timbalan Pengarah, Jabatan Khidmat Pengurusan
43. Puan Nadia binti Muhamad Amin  
Penolong Pengarah, Jabatan Landskap

#### **URUS SETIA**

44. Puan Mazura binti Mohamad  
Penolong Pengarah, Jabatan Khidmat Pengurusan
45. Puan Juliana binti Jaafar  
Penolong Pegawai Tadbir Kanan, Jabatan Khidmat Pengurusan
46. Encik Muhammad Zulfikar bin Jalaltheen  
Pembantu Tadbir, Jabatan Khidmat Pengurusan

#### **TIDAK HADIR (DENGAN MAAF)**

1. Encik Pravin a/l Murali - Ahli Majlis
2. Puan Azlina binti Mat Salim  
Penolong Pengarah Kanan, Jabatan Landskap

